

## **The Correlation between Kudat, Sabah Primary School Students' Motivation and Acceptance of the History Curriculum**

### **Hubungan Motivasi Dan Penerimaan Murid Sekolah Rendah Di Kudat, Sabah Terhadap Kurikulum Sejarah**

Justafahary Johari<sup>1</sup>, Mohd Mahzan Awang<sup>2</sup>, Norasmah Othman<sup>3</sup>

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia*

**Abstract:** This quantitative study was conducted to analyze the relationship between motivation and the acceptance of primary school students towards the History curriculum in Kudat, Sabah. The main focus of this study is to identify the extent of students' motivation towards the History curriculum and to measure their level of acceptance. The study involved 177 students from 20 primary schools located in urban, suburban, and rural areas of Kudat, who were selected through simple random sampling to respond to the survey. The findings indicate that students in the Kudat district have high motivation and accept the History curriculum well. In terms of implications, these findings provide guidance for students and teachers. For students, the findings emphasize the importance of having a proactive attitude in acquiring knowledge and discipline in learning to enhance academic achievement. From the teacher's perspective, the study suggests the need for adaptation to modern technology in teaching and learning, in response to changing times. This research is important as a reference for other researchers to expand understanding of the relationship between motivation and acceptance of the History curriculum in Malaysia, especially in the context of primary school students. It also provides practical implications for educators to improve the quality of teaching and learning History in schools. Hopefully, this writing will contribute usefully as a reference for researchers to expand this study.

**Keywords:** Learning motivation, virtuous behaviour, academic curriculum, and primary school

**Abstrak:** Kajian kuantitatif ini dilaksanakan untuk menganalisis hubungan antara motivasi dan penerimaan murid sekolah rendah terhadap kurikulum Sejarah di Kudat, Sabah. Fokus utama dalam rangka kajian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana tahap motivasi murid terhadap kurikulum Sejarah dan mengukur tahap penerimaan murid terhadap kurikulum Sejarah. Kajian ini telah melibatkan seramai 177 orang murid dari 20 buah sekolah rendah yang terletak di bandar, luar bandar, dan pedalaman Kudat telah dipilih melalui sampel rawak mudah untuk menjawab soal selidik. Hasil kajian mendapati bahawa murid-murid di daerah Kudat mempunyai motivasi yang tinggi dan menerima kurikulum Sejarah dengan baik. Dari segi implikasi, penemuan ini memberikan panduan kepada murid dan guru. Bagi murid, penemuan ini menekankan pentingnya memiliki sikap proaktif dalam menambah ilmu pengetahuan dan disiplin dalam pembelajaran untuk meningkatkan pencapaian akademik. Dari perspektif guru, hasil kajian menyarankan perlunya adaptasi terhadap teknologi moden dalam pengajaran dan pembelajaran, sebagai respons terhadap perubahan zaman. Penelitian ini penting sebagai rujukan untuk pengkaji lain dalam memperluas pemahaman tentang hubungan motivasi dan penerimaan kurikulum Sejarah di Malaysia, khususnya dalam konteks murid sekolah rendah. Ia juga memberi implikasi praktikal kepada pendidik untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah. Semoga hasil penulisan ini memberi sumbangan yang bermanfaat kepada semua sebagai rujukan kepada pengkaji di masa akan datang untuk memperluaskan kajian ini.

**Kata kunci:** motivasi belajar, penerimaan murid, kurikulum sejarah, sekolah rendah

#### **I. Pengenalan**

Pendidikan merupakan aspek terpenting dalam pembentukan jati diri dan kefahaman murid terhadap dunia di sekeliling mereka. Khususnya dalam konteks kurikulum Sejarah yang mana bukan sahaja berfungsi sebagai medium pembelajaran tentang masa lalu, tetapi juga sebagai alat untuk membentuk identiti dan kemahiran pemikiran Sejarah murid. Kepelbagaiannya budaya dan Sejarah bumiputera Sabah yang kaya menjadi bahagian penting dari kurikulum, penting untuk memahami bagaimana elemen-elemen ini diterima oleh murid. Sebagai perbandingan, pendidikan Sejarah di Negara Jepun, yang berpaksikan kepada mengekalkan nilai-nilai sosial, menunjukkan pendekatan yang berbeza dalam pengajaran sejarah. Menurut Ahmad (2005), pendekatan ini lebih berorientasikan kepada kejayaan dalam peperiksaan. Pengajaran sejarah yang berorientasikan

peperiksaanini berbeza dengan pendekatan di Malaysia, terutama di Kudat, Sabah, dimana kurikulum sejarah lebih menekankan pada pengetahuan yang mendalam dan aplikasi ilmu dalam konteks sosial dan budaya murid.

Sejalan dengan era globalisasi dan pembangunan pendidikan yang pesat, kefahaman tentang sejarah menjadi semakin penting. Seperti yang diungkapkan oleh Khoo (1988), ilmu sejarah bukan sahaja kisah masa lalu, tetapi juga sumber pengajaran dan ikhtibar untuk masa depan. Di Kudat, Sabah, murid-murid terdedah kepada kepelbagaiannya latar belakang sejarah dan adat resam yang mana mereka cuba untuk memahami bagaimana mereka menerima dan termotivasi oleh kurikulum Sejarah. Kurikulum sejarah membantu untuk memahami peristiwa masa lalu dan pengaruhnya terhadap masa kini. Namun, pencapaian pembelajaran sejarah ini bergantung pada tahap penglibatan dan motivasi murid. Khususnya di Kudat, Sabah, di mana konteks sosial dan budaya berpengaruh dalam pendidikan, kajian ini dilaksanakan dengan harapan memberikan gambaran awal untuk pengembangan pendidikan Sejarah yang lebih berkesan. Masalah utama yang dihadapi adalah persepsi negatif murid terhadap mata pelajaran sejarah, yang sering dianggap membosankan, menjemu, dan sukar difahami. Ini diperparah lagi oleh pendekatan pedagogik tradisional yang diterapkan oleh guru, yang kurang melibatkan murid dalam proses pembelajaran. Kajian oleh Ahmad et al. (2015), Daud et al. (2016), Maaroof et al. (2020), dan Kaviza (2019) telah menunjukkan bahawa persepsi negatif ini boleh menghalang pembentukan sikap patriotisme dan apresiasi terhadap sejarah yang dimaksudkan oleh kurikulum. Penelitian oleh Anuar et al. (2009) dan Zahara (2007) juga menunjukkan bahawa kaedah pengajaran guru memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi ini. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk melihat sejauh mana tahap motivasi dan penerimaan murid terhadap kurikulum Sejarah Sekolah Rendah di Kudat, Sabah.

## **II. Kajian Literatur**

Kajian literatur merupakan suatu aspek penting dalam memahami kedinamikan yang melibatkan motivasi dan pencapaian akademik murid, khususnya dalam konteks pembelajaran Sejarah. Menurut Norrizon (2003), motivasi memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran, yang mana berfungsi sebagai daya gerak yang mendorong murid untuk belajar dan mencapai matlamat pendidikan mereka. Kajian ini menekankan bahawa motivasi bukan hanya merupakan perkara pokok dalam kejayaan akademik, tetapi juga mempengaruhi sikap dan penerimaan murid terhadap mata pelajaran tertentu, khususnya mata pelajaran Sejarah. Motivasi dalam pembelajaran Sejarah sangat penting kerana ianya mampu mencetuskan semangat belajar dan menanamkan minat yang mendalam dalam diri murid. Murid yang bermotivasi tinggi cenderung untuk lebih terbuka dalam menerima konsep-konsep sejarah, lebih proaktif dalam mencari sumber-sumber tambahan, serta aktif dalam perbincangan dan kolaborasi di dalam kelas.

Kepentingan ini ditegaskan oleh Aini & Siti (2008), yang menyatakan bahawa cara pengajaran dan pendekatan yang digunakan oleh guru memainkan peranan penting dalam menumbuhkan atau menjatuhkan motivasi murid dalam pembelajaran Sejarah. Kaedah pengajaran yang tradisional dan kurang inovatif boleh menyebabkan murid merasa bosan dan tidak berminat, yang akhirnya menurunkan motivasi mereka untuk mempelajari Sejarah. Dalam konteks ini, kajian oleh Ahmad (2017) menunjukkan bahawa inisiatif yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan kualiti pengajaran di sekolah. Inisiatif ini merupakan usaha yang penting dalam memperbaiki mutu pengajaran dan menjamin pendidikan yang lebih berkualiti dalam sistem pendidikan negara. Hal ini mengindikasikan perlunya guru Sejarah untuk lebih terbuka terhadap perubahan dan mengadaptasi kaedah pengajaran yang lebih efektif untuk memotivasi murid.

Dari sudut pandangan ini, hubungan antara motivasi dan penerimaan murid terhadap kurikulum Sejarah menjadi sangat penting. Motivasi yang tinggi tidak hanya dapat meningkatkan pencapaian akademik, tetapi juga dapat meningkatkan minat murid terhadap Sejarah. Oleh itu, peranan guru Sejarah sangat kritikal dalam memotivasi murid dan mengimplementasikan kaedah pengajaran yang lebih inovatif, kreatif, dan menarik. Kefahaman yang mendalam terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi dan penerimaan murid akan memastikan pembelajaran Sejarah di sekolah lebih bermakna, interaktif, dan memberikan impak positif kepada murid-murid. Secara keseluruhan, kajian literatur menunjukkan bahawa motivasi merupakan faktor penting dalam pembelajaran Sejarah dan mempunyai hubungan langsung dengan kecenderungan murid untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Dengan mengintegrasikan pendekatan kaedah pengajaran yang lebih pelbagai dan menarik, murid berupaya untuk mengembangkan minat yang lebih mendalam terhadap Sejarah. Oleh itu, perubahan dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran Sejarah perlu ditekankan untuk mencapai hasil pembelajaran yang lebih positif dan meningkatkan apresiasi serta pengetahuan murid terhadap warisan dan sejarah mereka sendiri serta dunia.

## **III. Metodologi**

Kajian yang dijalankan ini adalah usaha yang signifikan dalam mengkaji dan memahami hubungan antara motivasi dan penerimaan murid terhadap kurikulum sejarah dalam konteks pendidikan di Malaysia. Kajian ini dirancang dengan teliti untuk memberikan pengetahuan yang teliti tentang bagaimana tahap motivasi

dan penerimaan murid mempengaruhi pengalaman pembelajaran mereka dalam subjek Sejarah. Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, kajian ini bertujuan untuk mengukur dan menganalisis data secara objektif, memberikan gambaran yang jelas dan terperinci tentang fenomena yang dikaji.

Dalam proses perkembangan kajian ini, beberapa aspek metodologi telah ditetapkan dengan teliti untuk memastikan keberkesanan pengumpulan data dan ketepatan hasil analisis. Salah satu aspek utama dalam kajian ini adalah penggunaan kaedah tinjauan soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Soal selidik ini dirancang dengan cermat untuk menilai motivasi dan penerimaan murid terhadap kurikulum sejarah, serta untuk mengumpulkan data demografi yang relevan. Kajian ini melibatkan sejumlah 177 orang responden, yang dipilih melalui proses sampel rawak mudah dari kalangan murid di sekolah-sekolah yang terletak di bandar, luar bandar, dan pedalaman daerah Kudat, Sabah. Saiz sampel ini ditentukan berdasarkan jadual penentuan Krejcie & Morgan (1970), yang merupakan kaedah yang diiktiraf dalam penentuan saiz sampel untuk kajian kuantitatif. Populasi sasaran kajian ini adalah murid-murid sekolah dengan jumlah keseluruhan seramai 2600 orang.

Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada tiga bahagian utama: maklumat demografi, motivasi murid, dan penerimaan murid terhadap mata pelajaran Sejarah. Dalam bahagian motivasi dan penerimaan murid, skala Likert 5 mata digunakan untuk mengukur pandangan responden. Penggunaan skala Likert ini membolehkan para penyelidik mendapatkan data yang tersusun dan memudahkan analisis perbandingan. Instrumen ini juga dirancang dengan mengambil kira kajian terdahulu oleh Darmawan & Mulyana (2016), yang menyediakan asas teoritikal yang kukuh untuk penyelidikan ini. Oleh yang demikian, Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengkategorikan data dengan cara yang bermakna dan memudahkan interpretasi hasil kajian. Data yang dikumpulkan melalui kajian ini dianalisis dengan menggunakan perisian Statistics Package for Social Science (SPSS) versi 27. Metod analisis yang digunakan adalah statistik deskriptif, dengan fokus utama pada analisis purata skor untuk setiap item dalam skala Likert. Selain itu, skor yang diperoleh dari skala Likert dikod semula ke dalam tiga kategori supaya mudah difahami oleh pembaca iaitu tahap rendah, tahap sederhana, dan tahap tinggi mengikut panduan yang disarankan oleh Pallant (2007). Jadual 1 menunjukkan jadual interpretasi min tersebut:

Jadual 1: Jadual Interpretasi Min

Nilai Min	Interpretasi Min
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.67	Sederhana
3.68 hingga 5.00	Tinggi

Kajian yang dilaksanakan ini juga turut menjalankan ujian rintis untuk menguji kesahan kajian dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik ini. Seramai 30 orang murid tahun 6, termasuk 15 orang lelaki dan 15 orang perempuan dari lokasi sekolah bandar iaitu Sekolah Kebangsaan St. James Kudat dan kawasan sekolah luar bandar iaitu Sekolah Kebangsaan Tinangol Kudat, telah dipilih sebagai responden ujian rintis pada kali ini. Analisis kebolehpercayaan instrumen menunjukkan bahawa instrumen kajian ini adalah dalam nilai yang cukup tinggi dengan nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.70 (rujuk Jadual 2).

Jadual 2: Analisis Kebolehpercayaan Instrumen

Dimensi	Cronbach's Alpha	Bilangan Item
Motivasi Murid	0.854	15
Penerimaan Murid	0.903	15
Keseluruhan	0.919	30

Secara keseluruhan, metodologi yang digunakan dalam kajian ini dirancang dengan teliti untuk memastikan data yang dikumpulkan adalah sah, boleh dipercayai, dan mewakili pandangan murid terhadap motivasi dan penerimaan mereka terhadap kurikulum sejarah. Melalui analisis yang terperinci, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada kefahaman yang lebih baik tentang keunikian pembelajaran Sejarah di sekolah rendah di Kudat, Sabah terutamanya dan membantu dalam perancangan strategi pengajaran yang lebih efektif dan menarik untuk mata pelajaran Sejarah ini.

#### IV. Dapatan Dan Perbincangan

Analisis demografi responden dalam kajian ini membentuk asas yang penting dalam memahami konteks pendidikan dan sosial di mana data dikumpulkan. Demografi responden kajian ini terdiri daripada 177 individu murid tahun 6, dengan kategori jantina yang hampir seimbang, di mana 45% adalah responden lelaki dan 55% adalah responden perempuan. Dari perspektif etnik, kajian ini mencerminkan kepelbagaiannya budaya di kawasan kajian. Etnik Rungus adalah yang terbanyak diwakili dengan 39%, diikuti oleh etnik Bajau yang mewakili 21%

daripada keseluruhan sampel. Kategori 'lain-lain', yang mewakili 15%, merangkumi pelbagai etnik termasuk Bonggi, Cina Suku Hakka, Iranun, Kagayan, Bugis, Jawa, Brunei, dan Kadazandusun, menunjukkan kekayaan budaya dan keperibaagai etnik dalam kalangan responden. Dari segi geografi pendidikan, responden adalah dari pelbagai lokasi dan tempat, dengan 16% dari sekolah bandar, 49% dari sekolah luar bandar, dan 35% dari sekolah pedalaman. Ini menunjukkan penglibatan yang luas dari pelbagai konteks geografi, memberikan dimensi tambahan kepada kefahaman tentang pengalaman pendidikan dan latar belakang murid. Selain itu, pekerjaan ibu bapa responden, yang didominasi oleh mereka yang bekerja sendiri (53%), diikuti oleh sektor swasta (10%), memberikan tambahan pengetahuan tentang latar belakang sosioekonomi murid.

Kepelbaagai dalam demografi responden kajian ini menunjukkan keunikian dan kepelbaagai etnik dan kaum yang perlu disantuni untuk memahami kepelbaagai kaedah pengajaran dan pembelajaran Sejarah dalam konteks yang berbeza-beza. Pengetahuan tentang latar belakang demografi responden kajian ini amat penting untuk perancangan strategi pengajaran dan pembelajaran yang responsif dan inklusif, mempertimbangkan keperluan dan konteks unik setiap murid. Analisis demografi ini juga menunjukkan kepentingan mengintegrasikan perspektif yang berbeza dalam penelitian pendidikan. Jadual dibawah menunjukkan taburan demografi kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji.

Jadual 3: Taburan Demografi Responden Kajian

Demografi	Kategori	Kekerapan (n = 177)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	79	45
	Perempuan	98	55
Etnik	Rungus	69	39
	Bajau	37	21
Lokasi Sekolah	Ubian	18	10
	Suluk	18	10
Pekerjaan Ibu Bapa	Sungai	8	5
	Lain-lain	27	15
Lokasi Sekolah	Bandar	29	16
	Luar Bandar	86	49
Pekerjaan Ibu Bapa	Pedalaman	62	35
	Kerajaan	46	26
Pekerjaan Ibu Bapa	Swasta	18	10
	Kerja Sendiri	94	53
Pekerjaan Ibu Bapa	Tidak Bekerja	19	11

#### Tahap Motivasi Murid Di Kudat, Sabah Terhadap Kurikulum Sejarah

Graf bar yang dipaparkan memberikan analisis terperinci tentang purata skor untuk setiap item dalam soal selidik yang berkaitan dengan motivasi murid terhadap kurikulum Sejarah. Melalui graf bar, variasi dalam skor motivasi bagi setiap item dijelaskan secara terperinci untuk membantu kefahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana dimensi motivasi berbeza-beza dalam kalangan murid. Analisis ini bukan sahaja membantu dalam mengenal pasti elemen-elemen motivasi yang kuat, tetapi juga menyoroti aspek-aspek kurikulum yang mungkin memerlukan perhatian yang teliti atau kajian lanjutan.

Graf Bar 1 : Purata Skor Motivasi



Item-item yang mencatatkan purata skor tinggi menunjukkan aspek-aspek dalam kurikulum yang berjaya membangkitkan minat dan motivasi murid. Skor tinggi ini mungkin mencerminkan keberkesanannya elemen-elemen tertentu dalam kurikulum, seperti penyampaian kandungan yang menarik, penggunaan metodologi pengajaran yang inovatif, atau kaitan topik Sejarah dengan realiti atau pengalaman murid. Kefahaman yang mendalam tentang aspek-aspek ini dapat membantu pendidik dalam merancang dan melaksanakan pendekatan pengajaran yang memanfaatkan elemen-elemen motivasi ini dengan lebih efektif.


Sebaliknya, item dengan purata skor yang lebih rendah menandakan adanya peluang untuk peningkatan. Ini mungkin menunjukkan bahawa terdapat aspek dalam kurikulum atau pengajaran yang kurang menarik atau kurang relevan dengan keperluan dan minat murid. Mungkin juga terdapat keperluan untuk mengubah pendekatan pengajaran, memperkenalkan bahan pengajaran yang lebih interaktif, atau menyediakan konteks yang lebih relevan bagi murid. Pengidentifikasiannya sudut-sudut yang memerlukan peningkatan ini penting untuk mengembangkan strategi yang seterusnya yang bertujuan untuk meningkatkan motivasi dan penglibatan murid dalam pembelajaran Sejarah.

Hasil analisis ini memberikan gambaran awal yang sangat penting mengenai elemen-elemen Sejarah yang mempengaruhi motivasi murid. Pengetahuan ini sangat berharga untuk pendidik dalam merancang dan mengimplementasikan strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif. Dengan mengintegrasikan data ini ke dalam perancangan kurikulum dan pengajaran, pendidik dapat lebih menyesuaikan pengajaran mereka dengan keperluan, minat, dan motivasi murid, dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanannya pengajaran mata pelajaran Sejarah. Kesimpulannya, analisis ini menunjukkan pengembangan pendekatan pedagogi yang lebih responsif dan berkesan dalam pendidikan Sejarah.

### Tahap Penerimaan Murid Terhadap Kurikulum Sejarah

Graf bar yang dipaparkan menunjukkan variasi yang jelas dalam penerimaan murid terhadap item-item yang terkandung dalam kurikulum Sejarah. Analisis ini memberikan pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek kurikulum yang mendapat sambutan positif daripada murid serta aspek yang memerlukan peninjauan semula atau penyesuaian. Kefahaman terhadap penerimaan ini sangat penting untuk memastikan kurikulum Sejarah relevan dan menarik bagi murid, serta memenuhi objektif pendidikan yang ditetapkan. Item-item yang mencatatkan purata skor tinggi menunjukkan aspek-aspek kurikulum yang diterima dengan baik oleh murid. Penerimaan ini adalah berkaitan dengan keberkesanannya isi kandungan, atau juga berkaitan dengan cara pengajaran yang digunakan oleh guru. Aspek-aspek ini merangkumi penggunaan sumber pembelajaran yang menarik, pendekatan pengajaran yang interaktif, atau penyampaian kandungan yang menghubungkan Sejarah dengan kehidupan atau pengalaman murid. Pengenalan terhadap aspek-aspek ini boleh membantu pendidik dalam mengetahui elemen-elemen kurikulum yang berhasil memenuhi keperluan dan minat murid, dan seterusnya memanfaatkan elemen-elemen ini dengan lebih berkesan.

Graf Bar 2 : Purata Skor Penerimaan



Oleh itu, item dengan purata skor lebih rendah menunjukkan keperluan untuk pemerhatian atau penyesuaian dalam aspek tertentu dari kurikulum. Ini menunjukkan bahawa terdapat topik, aktiviti, atau bahan pembelajaran yang kurang relevan atau kurang menarik bagi murid. Keperluan untuk peninjauan ini mungkin juga berkaitan dengan cara pengajaran yang kurang mendorong interaksi atau pemikiran kritis di kalangan murid. Mengenal pasti asas-asas yang memerlukan peningkatan ini penting untuk memastikan kurikulum

Sejarah terus berkembang dan responsif terhadap keperluan dan minat murid. Analisis ini memberikan pandangan yang berharga tentang bagaimana murid menerima dan memberi respon terhadap pelbagai aspek kurikulum Sejarah. Penemuan dari analisis ini dapat dijadikan sebagai dasar untuk melakukan penambahbaikan dan penyesuaian dalam kurikulum dan strategi pengajaran. Dengan menggunakan data ini sebagai panduan, pendidik dapat merancang kurikulum dan strategi pengajaran yang lebih inovatif dan responsif, dengan tujuan untuk meningkatkan penerimaan dan keterlibatan murid dalam proses pembelajaran Sejarah. Kesimpulannya, perlunya ada kefahaman yang mendalam tentang penerimaan murid terhadap kurikulum Sejarah adalah langkah penting dalam usaha memperkaya pengalaman pendidikan. Hasil analisis yang dilakukan dalam kajian ini telah mengungkapkan data yang memberikan kefahaman yang lebih mendalam tentang motivasi dan penerimaan murid terhadap kurikulum sejarah. Kajian ini menunjukkan variasi yang signifikan dalam kedua-dua dimensi ini, yang memberikan petunjuk penting tentang aspek-aspek kurikulum yang berjaya dalam membangkitkan motivasi dan penerimaan, serta aspek yang memerlukan peningkatan. Dalam konteks motivasi, terdapat beberapa item dalam kurikulum yang mencatatkan skor yang tinggi, menunjukkan keberhasilan aspek tertentu dalam membangkitkan minat dan keinginan murid untuk belajar Sejarah. Dari segi motivasi murid juga, kajian ini mendapatkan adanya hubungan positif antara sikap murid terhadap mata pelajaran dan peningkatan motivasi mereka untuk belajar. Hal ini selaras dengan pandangan Ahmad et. al. (2011), yang menekankan bahawa motivasi adalah dorongan penting yang membentuk sikap mental dan kesedaran untuk mencapai kejayaan. Skor tinggi ini merupakan indikasi yang jelas tentang keberkesanan elemen-elemen tertentu dalam kurikulum yang dianggap menarik, relevan, dan mampu mendorong pembelajaran yang bermakna. Namun, terdapat juga item dengan skor rendah yang menunjukkan bahawa terdapat perkara yang perlu ditingkatkan dalam hal pendekatan pengajaran atau kandungan kurikulum agar lebih menarik dan relevan dengan keperluan serta minat murid.

Dari segi penerimaan, kajian ini juga menunjukkan variasi yang signifikan antara item. Skor tinggi pada sesetengah item mencerminkan aspek-aspek kurikulum yang diterima dengan baik oleh murid. Ini menunjukkan bahawa terdapat elemen dalam kurikulum yang berhasil memenuhi keperluan dan keinginan murid. Disamping itu, skor rendah pada item tertentu menunjukkan adanya keperluan untuk melihat kembali meninjau semula kaedah pengajaran tersebut, yang melibatkan pengenalan metodologi pengajaran yang lebih interaktif, penggunaan sumber-sumber pembelajaran yang lebih variatif, atau penyesuaian isi kandungan agar lebih sesuai dengan konteks kehidupan murid saat ini. Salah satu penemuan yang paling tinggi kesahihannya dari kajian ini ialah adanya korelasi yang signifikan antara motivasi dan penerimaan kurikulum. Data menunjukkan bahawa item yang mencatatkan skor tinggi dalam motivasi cenderung juga mencatatkan skor tinggi dalam penerimaan. Hal ini menunjukkan pentingnya mengembangkan kurikulum yang tidak hanya bersifat pengetahuan malah mengandungi fakta-fakta sejarah, tetapi juga menarik, berkesan, dan relevan dengan kehidupan murid. Peningkatan motivasi ini dapat menciptakan persekitaran belajar yang lebih dinamik dan interaktif, yang pada hematnya dapat meningkatkan penerimaan dan apresiasi murid terhadap sejarah.

Penelitian ini juga membawa kita kepada pemahaman tentang beberapa faktor yang berpotensi mempengaruhi motivasi dan penerimaan murid, antaranya adalah metodologi pengajaran dan cara interaksi di dalam kelas. Pendekatan pengajaran yang tradisional dan kurang inovatif dapat menurunkan minat murid, sementara pendekatan yang lebih interaktif dan mengintegrasikan teknologi atau sumber pembelajaran yang pelbagai dapat meningkatkan motivasi dan penerimaan. Oleh itu, melihat kepada faktor-faktor ini, pendidik dapat merancang dan melaksanakan strategi yang lebih efektif untuk meningkatkan minat dan penglibatan murid dalam pembelajaran Sejarah. Kajian ini secara tidak langsung memberikan kesinambungan yang berharga tentang tahap motivasi dan penerimaan murid terhadap kurikulum Sejarah. Hasil kajian ini menekankan pentingnya pengembangan dan perancangan kurikulum dan metodologi pengajaran, dengan mempertimbangkan keperluan, minat, dan konteks kehidupan murid. Dengan memfokuskan pada aspek-aspek yang telah terbukti berkesan dan mengatasi kelemahan yang diidentifikasi, dapat diharapkan bahawa pembelajaran Sejarah akan menjadi pengalaman yang lebih menarik, bermakna, dan meningkatkan ilmu pengetahuan murid.

## V. Kesimpulan

Kesimpulan kajian yang dijalankan ini memberikan kita pengalaman yang berharga tentang peranan motivasi dalam penglibatan murid dalam proses pembelajaran Sejarah. Dapat kajian ini menegaskan bahawa motivasi merupakan elemen yang penting yang mempengaruhi bukan hanya keinginan murid untuk menguasai ilmu pengetahuan Sejarah, tetapi juga memperluas cakrawala pengetahuan mereka dalam bidang lain. Menariknya, motivasi ini tidak hanya bersifat intrinsik tetapi juga dapat dirangsang melalui intervensi luar, terutamanya melalui usaha dan inisiatif guru di dalam bilik darjah.

Guru memainkan peranan yang sangat penting dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran murid. Melalui penerapan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran Sejarah, guru bukan hanya dapat mengikuti perkembangan teknologi terkini, tetapi juga meningkatkan motivasi murid dalam proses pembelajaran. Hal yang demikian membantu murid untuk menerima dan mengapresiasi kurikulum Sejarah

dengan lebih baik, dan akhirnya mencapai prestasi akademik yang tinggi dalam mata pelajaran tersebut. Implikasi dari kajian ini menggariskan keperluan untuk guru untuk terus mengkaji dan mengimplementasikan kaedah pengajaran yang inovatif, yang responsif terhadap keperluan dan minat murid zaman sekarang.

Oleh itu, sangat penting bagi murid untuk memupuk sikap proaktif dalam belajar dan menerapkan disiplin diri dalam mengamalkan gaya belajar yang efektif. Dari perspektif pedagogi, kajian ini membantu keperluan bagi guru Sejarah, terutamanya di peringkat sekolah rendah, untuk meningkatkan kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Hal ini penting untuk memastikan bahawa pengajaran Sejarah tidak ketinggalan dalam arus perubahan teknologi dan metodologi pengajaran yang semakin maju dan dinamik. Akhir sekali, kajian ini memberikan gambaran awal kepada kita untuk menjalankan kajian serupa di peringkat sekolah menengah, terutamanya di daerah-daerah pantai barat utara Sabah termasuk daerah Kudat, Kota Marudu, Pitas, dan Kota Belud. Kajian yang akan dilaksanakan akan memperluaskan lagi skop kefahaman mengenai hubungan antara motivasi murid dan penerimaan mereka terhadap kurikulum Sejarah. Ini akan memberikan pandangan yang lebih komprehensif dan mendalam mengenai tahap motivasi dan pengajaran Sejarah, serta memungkinkan pengembangan strategi yang lebih tepat dan efektif dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran Sejarah bagi murid di Malaysia. Kesimpulannya, kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam pemahaman tentang pentingnya motivasi dalam pendidikan Sejarah dan merumuskan saranan yang berguna bagi pendidik, pengkaji, dan penggubal dasar dalam merancang dan melaksanakan kurikulum dan strategi pengajaran yang lebih efektif dan menarik bagi murid.

## VI. Rujukan

- [1]. Aini ini Hassan & Siti Hawa Abdullah. (2008). Sejarah Perkembangan Kurikulum Sejarah di Malaysia dalam "Perjuangan Memperkasakan Pendidikan di Malaysia: Pengalaman 50 Tahun Merdeka" oleh Nik Azis Nik Pa dan Noraini Idris, 2008, Oleh Nik Azis Nik Pa dan Noraini Idris. Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- [2]. Anuar Ahmad, Siti Haishah Abdul Rahman & Nor Atiqah T. Abdullah. (2009). Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah. "Jurnal Pendidikan Malaysia," 34 (1), 53-66.
- [3]. Ahmad, A. R., Seman, A. A., Awang, M. M. & Sulaiman, F. (2015). Application of multiple intelligence theory to increase student motivation in learning history. "Asian Culture and History," 7(1), 210.
- [4]. Ahmad, A., & Jinggan, N. (2017). Pengaruh Kompetensi Kemahiran guru dalam pengajaran Terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. "JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik," 3 (2), 1-11.
- [5]. Ahmad Rahim, Azwani Ismail, Abdul Razaq Ahmad, Zahara Aziz & Sharifah Nur. (2011). Kurikulum Sejarah ke Arah Pembentukan Perpaduan Kaum di Malaysia. "Jurnal Pendidikan dan Latihan."
- [6]. Ahmad Sohaimi Lazim. (2005). Model Titas 2 Tamadun Jepun, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- [7]. Darmawan, W. & Mulyana, A. (2016). Antara Sejarah dan Pendidikan Sejarah: Analisis Terhadap Buku Teks Pelajaran Sejarah SMA Berdasarkan Kurikulum 2013. "Factum, Jurnal Sejarah dan Pendidikan Sejarah."
- [8]. Daud, N. B. M., Ahmad, A. R. & Yakub, N. M. (2016). Pembelajaran berteraskan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah. "Proceeding 7th International Seminar on Regional Education," 1, 352-360.
- [9]. Kaviza, M. (2019). Analisis keperluan terhadap pembangunan modul aktiviti pengajaran dan pembelajaran sejarah berdasarkan penggunaan sumber-sumber sejarah, "e-Bangi," 16(6).
- [10]. Khoo Kay Kim. (1988). Pensejarahan melayu nusantara: kajian mengenai sumber, penghayatan, masalah dan tafsiran naskhah-naskhah terpilih sejarah melayu/Muhammad Yusuf Hashim. Teks Publishing.
- [11]. Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. "Educational and Psychological Measurement," 30, 607-610.
- [12]. Maarof, N. H., Apfandi, N., Joli, N. S. & Yusof, R. (2020). Itrack dalam PDP Sejarah: Tinjauan terhadap motivasi pelajar, "International Journal of Education and Pedagogy," 2(1), 83-97.
- [13]. Norrizzan Seman. (2003). Perkembangan Pendidikan Sejarah di Semenanjung Malaysia (1874 hingga 2002). Tesis Sarjana Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- [14]. Pallant, J. (2007). SPSS survival manual. A step by step guide to data analysis using SPSS. Third Edition. Allen & Unwin.
- [15]. Zahara Aziz & Nik Azleena Nik Ismail. (2007). Kajian Tinjauan Kesediaan Guru-Guru Sejarah Dalam Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah Kepada Para Pelajar. "Jurnal Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia," 5(2), 34-40.